



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH AIDILADHA

Tajuk :
MANIFESTASI PENGORBANAN

Tarikh Dibaca :

**10 Zulhijjah 1442H/
20 Julai 2021M**

Disediakan oleh :
Cawangan Khutbah & Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

**MANIFESTASI PENGORBANAN****KHAS AIDILADHA**

20 Julai 2021M/ 10 Zulhijjah 1442H

اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْأَعِيادَ مَصْدَرًا لِلْهَنَاءِ وَالسُّرُورِ، وَتَفَضَّلَ فِي هَذِهِ الْأَيَّامِ الْعَشْرِ عَلَى كُلِّ عَبْدٍ شَكُورٍ، سُبْحَانَهُ غَافِرُ الذَّنْبِ وَقَابِلُ التَّوْبَ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ. أَشَهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشَهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالْتَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَا بَعْدُ، فِيَّا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيِّرُ أَلَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ، وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَرَدُونَ كَإِلَى عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَدَةِ



فَيُنَتَّهِكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan kemenangan abadi di akhirat.



Marilah bersama-sama kita meraih keberkatan pagi Aidil Adha ini dengan menghayati khutbah yang bertajuk : “**Manifestasi Pengorbanan**”.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Hamba-Hamba Allah yang budiman,

Alhamdulillah, sekali lagi Aidiladha dapat kita sambut meskipun dalam suasana yang begitu sederhana. Masih ramai dari kalangan kita mampu menyempurnakan ibadah korban pada tahun ini. Namun, tidak kurang pula yang tidak mampu melaksanakannya lantaran kesempitan hidup yang dihadapi pada waktu ini. Hakikatnya, Hari raya Korban tahun ini benar-benar mengajar kita erti pengorbanan.

Aidiladha mengajar umat Islam erti pengorbanan yang begitu besar tuntutannya di sisi agama. Hari raya korban ini pastinya mengembalikan ingatan kita kepada pengorbanan Nabi Ibrahim AS yang sanggup meninggalkan isteri dan anak kecilnya di Mekah semata-mata kerana mentaati perintah Allah SWT. Setelah dipertemukan, baginda diuji pula dengan perintah mengorbankan anak kesayangannya, Nabi Ismail AS dan baginda berjaya melaksanakannya.

Demikian juga Rasulullah SAW dan para sahabat baginda yang telah mengorbankan nyawa dan harta sehingga sanggup berhijrah ke Madinah semata-mata kerana Allah. Kaum Ansar pula ikhlas mengorbankan apa yang mereka miliki demi membantu kaum Muhajirin yang memerlukan, meskipun mereka juga dalam kesusahan. Mereka berkorban tanpa mengharapkan imbalan demi membuktikan iman dan mengharapkan keredaan Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah al-Hasyr ayat 9:



وَالَّذِينَ تَبَوَّءُ الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَحْدُثُونَ فِي
صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقَ
شُّحَّ نَفْسِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١

Bermaksud: “Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.”

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat yang berbahagia,

Bersama ibadah sembelihan korban yang dilaksanakan, kita juga turut dianjurkan untuk memberikan pengorbanan-pengorbanan lain yang sangat besar tuntutannya di waktu ini. Berkorbanlah dengan tabah menghadapi kesempitan dan kepayahan hidup yang menekan jiwa. Berkorbanlah dengan terus berusaha mencari sumber pendapatan yang halal meskipun terpaksa mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan. Berkorbanlah dengan apa yang masih kita miliki untuk menghulur bantuan kepada kaum keluarga, jiran tetangga dan sesiapa juga yang keputusan bekalan keperluan asas demi meneruskan kelangsungan hidup.



Berkorbanlah dengan sabar mengawal perasaan yang inginkan kebebasan keluar demi mematuhi arahan PKP dan PKPD serta SOP yang ditetapkan kerajaan bagi mencapai matlamat membebaskan negara dari wabak COVID-19. Berkorbanlah dengan kepatuhan menjalani program vaksinisasi yang telah dijadualkan untuk menjayakan usaha kerajaan mencegah pendemik ini dari terus menyelubungi hidup kita.

Ini semua adalah pengorbanan besar yang sedang kita lakukan. Maka bersabarlah, kerana apa sedang kita lakukan ini adalah jihad yang dijanjikan ganjaran pahala syahid. Imam al-Bukhari meriwayatkan bahawa Sayidatina Aisyah Radiyallahu ‘anha pernah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang wabak taun, lalu baginda menjelaskan:

أَنَّهُ كَانَ عَذَابًا يَبْعَثُهُ اللَّهُ عَلَى مَن يَشَاءُ، فَعَلَهُ رَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ، فَلَيْسَ مِنْ عَبْدٍ يَقْعُدُ الطَّاعُونُ، فَيَمْكُثُ فِي بَلَدِهِ صَابِرًا، يَعْلَمُ أَنَّهُ لَنْ يُصِيبَهُ إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ، إِلَّا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ الشَّهِيدِ.

Bermaksud; "Sesungguhnya ia adalah azab yang Allah utuskan kepada sesiapa yang Dia mahu, namun Allah menjadikannya sebagai rahmat untuk orang beriman. Tiada seorang hamba yang ditimpa wabak taun lalu dia kekal tinggal di negerinya dengan bersabar, sedar betapa tiada yang menimpanya selain ketetapan Allah untuknya, melainkan pasti dia diganjari pahala syahid."

Rasulullah SAW menyebut bahawa bersama musibah ini ada rahmat buat kita. Lihatlah perubahan gaya hidup kita yang lebih berdisiplin, berhemah mengurus kewangan dan patuh kepada pemerintah demi mencapai kemenangan. Bahkan, musibah ini juga menyuburkan naluri



insani kita untuk lebih prihatin terhadap insan-insan lain yang memerlukan dengan memberikan kerjasama, sokongan dan menyampaikan bantuan.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin muslimat yang berbahagia,

Mengakhiri bicara khatib, dititipkan beberapa kesimpulan sebagai pedoman buat kita semua, antaranya:

Pertama: Allah SWT menuntut kaum muslimin berkorban bagi membuktikan ketulusan iman dengan berpandukan paparan ibrah daripada al-Quran.

Kedua: Aidiladha adalah perayaan yang membangkitkan seruan berkorban yang perlu dimanifestikan dengan maksud pengorbanan yang lebih luas.

Ketiga: Bersabarlah dalam merealisasikan pengorbanan kerana di sinilah nilai sebenar kejayaan insan beriman.

Firman Allah dalam surah al-Jin, ayat 16:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَأَلَّوْ أَسْتَقْدِمُ عَلَى الظَّرِيقَةِ لَا سَقَيْنَاهُمْ مَاءً غَدَقًا

Maksudnya : “Dan bahawa sesungguhnya! Kalaulah mereka beristiqamah di atas jalan (Islam), sudah tentu Kami (akan memberikan mereka sebab-sebab kesejahteraan) juga menurunkan hujan lebat kepada mereka.”



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَأَيَاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
إِلَهٌ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَهْلِ
وَاصْحَাইِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،
أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ
عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَيَّهَا الْذِينَ أَمَنُوا صَلَوَاتُهُمْ عَلَيْهِ وَسَلَامُهُمْ تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ النَّحْلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كِبَاوِهِ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيا
سَرِيْ قَدْوَكْ بِكِينِدا يَعْ دَفْرَتوَانِ اَكْوَغْ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ اَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِنِ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كِبَاوِهِ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيا سَرِيْ قَدْوَكْ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِيِّ اَكْوَغْ،
تُونِكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةِ اَمِينَةِ مِيمُونَةِ إِسْكَنْدَرِيَّةِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى
اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٌ وَآمَانٌ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاحْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

يا الله، جاديكله کامي همباهما مویع طاعة ملقساناکن کواجیقن صلاة، ممبایر زکاة کند ۋوست ۋوغۇتن زکاة مجلسیس اڭام إسلام ولايە فرسکوتوان (PPZ-MAIWP) دان مغىنیفاڭن ھرتا ملائىي عبادە وقف. برکتىلە دان رحمتىلە سکالا اوسها کامي دالىم ممنوهىي کواجیقن زکاة دان وقف ۋە جالنۇمۇ. جاديكله ھرتا زکاة دان وقف این سپاڭاکاي ساھم کامي دا خىرە كلق.

يا الله، قرمودەكىلە MAIWP دالىم مغاڭىكىن زکاة کند ۋارا اصناف دان مغۇرۇسکن ھرتا وقف دەعن سپا ئېق-با ئېق دمىي منفعة اومىت إسلام دولايە فرسکوتوان.

يا الله، كورنياكله جۈك کند کامي كىسجهتىران، كامان، كىسلامتن سرتا ۋەلىنىدۇغۇن درىد مصيبة، بالا بىنچان دان وابق ۋېپاكتىت بىرەي خصوصىن COVID-19.

رَبَّنَا لَا تُرْغِبْ قُلُوبَنَا بَعْدٍ إِذْ هَدَيْنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ . رَبَّنَا
آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِلْحَسِنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْكَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .